

**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : LOKAL**

Kuala Lumpur

Golongan kurang daya tahan imun sederhana hingga teruk berumur antara lima dan 11 tahun serta antara 12 dan 17 tahun dicadangkan menerima dos ketiga vaksin Covid-19 bagi melengkapkan vaksinasi primer tiga dos, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Menerusi satu kenyataan berhubung keputusan yang dicadangkan Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG) bagi vaksin Covid-19 itu, Khairy berkata prosedur atau mekanisme bagi pelaksanaan dos ketiga serta dos penggalak pertama bagi remaja akan dimuktamadkan dan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Beliau berkata cadangan sudah dibuat berdasarkan situasi semasa mengenai tahap keberkesanan vaksin dalam kalangan remaja yang berisiko tinggi.

Menurutnya TWG mengesyorkan supaya dos penggalak bagi golongan kurang daya tahan imun sederhana hingga teruk berumur 12

## BUDAK KURANG DAYA TAHAN PENYAKIT

# Syor ambil dos ke-3

dan 17 tahun dikategorikan semula sebagai dos ketiga dan menjadi pelengkap kepada vaksinasi primer.

"Hanya setelah melengkapkan vaksinasi primer tiga dos, barulah dos penggalak pertama boleh diberikan kepada golongan kurang daya tahan imun sederhana hingga teruk berumur antara 12 dan 17 tahun.

"Langkah ini bertujuan memberi perlindungan optimum kepada kumpulan remaja ini daripada risiko mendapat jangkitan Covid-19 dengan gejala yang teruk," katanya.

Pada 14 April, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengumumkan pemberian dos penggalak kepada golongan kurang daya tahan imun sederhana hingga teruk oleh pakan perubatan kerajaan atau swasta.

Setakat kelmarin, kadar vaksinasi lengkap dos pri-

mer vaksin Covid-19 bagi golongan remaja adalah 93.5 peratus.

Bagaimanapun, kajian dari luar negara menunjukkan tahap keberkesanan vaksin terhadap kemasukan ke wad dalam kalangan remaja selepas lima hingga 10 bulan menerima dos kedua menerun sebanyak 42 hingga 73 peratus.

Khairy berkata pemberian dos tambahan sama ada untuk melengkapkan vaksinasi dos primer sebanyak tiga kali atau sebagai dos penggalak pertama dan kedua akan di berikan kepada individu yang disahkan kurang daya tahan imun sederhana hingga teruk oleh pakan perubatan kerajaan atau swasta.

Beliau berkata dos tambahan kepada individu berumur antara lima dan 11 tahun akan diberikan sekurang-kurangnya lapan minggu selepas menerima

dos kedua.

Bagi individu berusia antara 12 dan 17 tahun pula, beliau berkata golongan itu akan menerima dos tambahan sekurang-kurangnya 28 hari selepas menerima dos kedua.

Bagi pemberian dos penggalak pertama kepada individu berumur antara 12 dan 17 tahun yang berisiko tinggi dan telah lengkap menerima vaksinasi primer tiga dos pula, Khairy berkata golongan itu akan diberikan dos terhabit sekurang-kurangnya tiga bulan selepas menerima vaksinasi lengkap tiga dos primer.

Katanya dos penggalak kedua seku rang-kurangnya enam bulan selepas menerima dos penggalak pertama dan selepas berbincang dengan mana-mana pengamal perubatan berdaftar," katanya.

antara 18 dan 59 tahun termasuk petugas kesihatan barisan hadapan seperti pegawai perubatan serta jururawat yang berisiko tinggi mendapat jangkitan Covid-19 yang serius atau teruk.

"Golongan ini akan terima dos penggalak kedua sekurang-kurangnya enam bulan selepas menerima dos penggalak pertama dan selepas berbincang dengan mana-mana pengamal perubatan berdaftar," katanya.

Mengenai peluasan pem berian vaksin Covid-19 Convidencia CanSino Bio (CanSino) sebagai dos penggalak secara campuran kepada per nera m vaksin lengkap tanpa mengira jenis vaksin dos primer, Khairy berkata golongan yang layak adalah individu berumur antara 18 tahun dan ke atas.

"Golongan ini adalah mereka yang telah menerima vaksin siri premier selain daripada CanSino dan Si novac yang telah diluluskan iaitu sekurang-kurangnya tiga bulan selepas menerima dos kedua," katanya.

**“Langkah ini bertujuan memberi perlindungan optimum”**  
Khairy



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : NEGERI

## Kelantan rekod tujuh kluster influenza

**KOTA BHARU** - Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) merekodkan tujuh kluster melibatkan jangkitan influenza sehingga Minggu Epidemiologi (ME) 25 bagi tahun 2022.

Pengarah JKNK, Datuk Dr Zaini Husin berkata, sebanyak lima kluster pula melibatkan jangkitan saluran pernafasan atas (URTI).

"Sebahagian besar kes dalam kluster ini adalah bergejala ringan dan dirawat sebagai pesakit luar," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Menurutnya, bagi membendung peningkatan kes dan kluster jangkitan saluran pernafasan itu, JKNK menasihatkan agar masyarakat kekal patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi fasa peralihan endemik.

Ujarnya, amalan 3W (*wash, wear and warn*) perlu diteruskan terutama apabila berada di kawasan tertutup dan sesak.

Tambah Dr Zaini, ibu bapa hendaklah membawa anak-anak yang mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan mendapatkan rawatan segera dan tidak dibenarkan hadir ke sekolah.

"Pihak sekolah juga perlu memastikan pelajar bergejala tidak dibenarkan hadir ke sekolah dan tahap pematuhan SOP perlu dioptimumkan."

"JKNK akan terus memantau situasi penyakit ini dari masa ke masa," jelasnya.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Booster shots for immunocompromised children

**PUTRAJAYA:** Moderately to severely immunocompromised individuals aged between five and 17 are recommended to receive a third dose of the Covid-19 vaccine to complete the three-dose primary vaccination series, said Health Minister Khairy Jamaluddin.

In a statement yesterday on a recommendation by the Technical Working Committee (TWC) for the Covid-19 vaccine, Khairy said the procedure or mechanism for the implementation of the third dose as well as the first booster dose for adolescents would be finalised and announced soon.

He said the recommendation was made based on the current situation and the level of effectiveness of the

vaccine among high-risk adolescents.

Khairy said the TWC recommended that the booster dose for individuals with moderate to severe immunocompromised conditions aged between 12 and 17 be re-categorised as the third dose to complement the primary vaccination.

"Only after completing the three-dose primary series, can the first booster dose be given to people with moderate to severe immunocompromised conditions aged between 12 and 17.

"This measure aims to provide optimal protection to this group of teenagers from the risk of getting Covid infection with severe

symptoms," he said.

On April 14, the Health Ministry announced the provision of booster doses to moderately to severely immunocompromised individuals aged 12 years and above.

As of yesterday, the vaccination rate of the primary dose of Covid-19 vaccine for adolescents was at 93.5%.

However, studies from abroad have shown that the level of effectiveness of the vaccine on hospital admission among adolescents after five to 10 months of receiving a second dose decreased by between 42% and 73%.

Khairy said additional doses either to complete the three-dose primary vaccination series or as first and second booster doses would be

given to individuals diagnosed with moderate to severe immunocompromised conditions by government or private physicians.

He said additional doses for individuals aged between five and 11 would be given at least eight weeks after their second dose.

For individuals aged of 12 to 17, he said they would receive an additional dose at least 28 days after receiving the second dose.

He added that the second booster dose would be given to individuals between the ages of 18 and 59, including frontline health workers such as medical officers and nurses who were at high risk of getting a serious or severe Covid-19 infection.

- Bernama